

MCA Membisu Mengenai Pilihan Raya Kecil Bukit Gelugor
Bernama
29 Apr, 2014

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- MCA masih membisu berhubung dengan keputusannya sama ada bertanding pada pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gelugor bulan depan.

Presiden parti Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata walaupun Bukit Gelugor merupakan kawasan tradisi MCA tetapi parti itu belum membuat keputusan sama ada bertanding dalam pilihan raya kecil itu.

"Kami telah berbincang mengenainya dalam mesyuarat (hari ini). Hasil mesyuarat akan dibincangkan dengan Pengerusi Barisan Nasional (Datuk Seri Najib Tun Razak) dan kami akan memaklumkan kepada media mengenainya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat majlis presiden parti di Wisma MCA di sini, hari ini.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan 25 Mei ini sebagai hari mengundi pilihan raya kecil Bukit Gelugor selepas Anggota Parlimen kawasan itu Karpal Singh terbunuh dalam kemalangan jalan raya pada 17 April lepas.

Penamaan calon ditetapkan pada 12 Mei manakala pengundian awal pada 21 Mei.

Mendiang Karpal Singh, yang juga bekas pengerusi DAP, memenangi kerusi itu pada pilihan raya umum tahun lepas dengan majoriti 42,706 undi menewaskan calon Barisan Nasional Teh Beng Yeam, yang memperoleh 13,597 undi.

Mengenai Hudud, Liow menggesa DAP dan PKR supaya menjelaskan pendirian mereka berhubung keputusan PAS untuk membentangkan rang undang-undang persendirian mengenai perkara itu di Dewan Rakyat.

Dalam pada itu, Liow berkata MCA akan melancarkan kempen transformasi parti bertema 'Bersatu Lebih Teguh' pada 9.30 pagi Sabtu ini di Universiti Tunku Abdul Rahman, Setapak.

Beliau berkata kempen itu yang akan dilancar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bertujuan menyatukan anggota parti dan masyarakat Cina di negara

ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1034602>